



Kami Sedia Membantu
Penyayang • Profesionalisme • Kerja Berpasukan



UNIT KEJURURAWATAN, JABATAN KESIHATAN NEGERI KEDAH

PENGENALAN

Unit Kejururawatan beroperasi dengan diterajui oleh pengurusan Ketua Penyelia Jururawat Negeri U44, dibantu oleh Penyelia Jururawat Negeri U42, 2 orang Jururawat U32.

VISI

Kejururawatan akan menjadi pasukan kesihatan profesion yang dinamik dan responsive di mana setiap Jururawat mampu memberikan perkhidmatan kejururawatan yang efisien dan efektif secara professional dengan mengamalkan sikap penyayang disamping menggalakkan penjagaan kesihatan sendiri dan penglibatan masyarakat ke arah peningkatan kualiti kehidupan.

MISI

Misi Kejururawatan Kementerian Kesihatan Malaysia adalah untuk:

1. Memajukan profesyen kejururawatan ke tahap yang tinggi.
2. Meningkatkan pengetahuan dan inovasi serta mendidik mentaliti kelas pertama.
3. Mengurus isu kejururawatan secara konstruktif dan produktif.
4. Menambahbaik dan mengekalkan piawaian kualiti perkhidmatan kejururawatan.
5. Meningkatkan dan mengukuhkan mekanisma implementasi dan pemantauan perkhidmatan kejururawatan.

OBJEKTIF-OBJEKTIF

1. Menyelaras dan memantau perkhidmatan kejururawatan untuk memastikan semua jururawat mematuhi code of professional conduct, garis panduan dan standard piawaian yang telah ditetapkan.
2. Menyediakan perkhidmatan kejururawatan melalui promosi kesihatan, pencegahan, penyembuhan dan pemulihan.
3. Merancang, melaksanakan strategi peningkatan kualiti kerja dan menyemak semula kualiti perawatan pesakit dari masa ke semasa.

AKTIVITI-AKTIVITI

1. Merancang takwin dan menjalankan mesyuarat pengurusan dan teknikal kejururawatan di peringkat negeri.
2. Menyelaras penempatan jururawat lantikan baru, pindah masuk negeri kedah dan pertukaran dalaman kedah bagi jururawat mengikut kepakaran, kekosongan dan keperluan di fasiliti hospital dan kesihatan awam.
3. Menyelaras permohonan pembaharuan perakuan pengamalan jururawat tahunan (Annual Practicing Certificate) untuk anggota kejururawatan di peringkat negeri.
4. Mengendalikan siasatan aduan jururawat hospital dan kesihatan awam di peringkat negeri.
5. Menyelaras *Training Need Analysis* untuk mengenalpasti keperluan jururawat yang memerlukan kursus pos basik/pengkhususan di dalam setiap aktiviti di hospital dan kesihatan awam.
6. Menyelaras dan memantau program pementoran Kejururawatan di fasiliti hospital dan kesihatan awam di Negeri Kedah.
7. Mengumpul semua reten Perjawatan Kejururawatan dari hospital dan kesihatan awam di peringkat negeri Kedah dan dihantar kepada Bahagian Kejururawatan, Kementerian Kesihatan Malaysia.

8. Melakukan lawatan pemantauan dan penyeliaan teknikal berkala di hospital dan kesihatan awam secara berjadual dan tidak berjadual di mana meliputi sembilan (9) buah hospital dan sebelas (11) buah Pejabat Kesihatan Daerah di negeri Kedah.
9. Memantau program *National Nursing Audit* di fasilit hospital dan kesihatan awam di peringkat negeri.

TALIAN UNTUK DIHUBUNGI

BIL	NAMA	JAWATAN & GRED	NO TEL	EMAIL
1	Puan Lau Sie Ngo	Jururawaat U44	04-7741137	lsn@moh.gov.my
2	Puan Maimunah binti Adam	Jururawaat U42	04-7741138	maimunahadam@moh.gov.my
3	Puan Noor Zanbibi binti Ismail	Jururawaat U32	04-7742396	nzanbibi@moh.gov.my
4	Puan Haslini binti Ismail	Jururawaat U32	04-7741197	Haslini.ismail@moh.gov.my

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, Unit Kejururawatan sentiasa berusaha mengikut perancangan yang telah ditetapkan dan pelbagai usaha bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan anggota kejururawatan selaras dengan keperluan perkhidmatan terkini berdasarkan visi dan misi Kementerian Kesihatan Malaysia.

Prestasi anggota kejururawatan adalah dikaitkan dengan pengisian perjawatan, latihan dalam perkhidmatan, pemantauan dan penyeliaan berterusan dan pengambilan langkah-langkah proaktif dan penambahbaik terhadap pemantapan dan peningkatan kualiti perkhidmatan khasnya dalam bidang perawatan kejururawatan.